

Pelajar kurang upaya pun hebat

SHAH ALAM - Seorang calon SPM 2017 yang menghadapi masalah pendengaran membuktikan mampu bersaing dengan pelajar normal selepas berjaya memperoleh 6A, 2B dan 1C.

Muhammad Uwais Qarany Muhamad Razli, 18, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Darul Ehsan mengalami masalah pendengaran selepas terlibat dalam kemalangan ketika usianya enam tahun dan turut mengorbankan nyawa adiknya.

Ibunya, Murnizah Mulim, 49 berkata, doktor sahkan dia hadapi masalah pendengaran disebabkan kesan gegaran akibat kemalangan tersebut.

"Dia berjaya buktikan kekurangan yang ada padanya bukan penghalang untuknya bersaing. Sebagai ibu pastinya saya bangga dengan pencapaiannya," katanya.

Sementara itu, pelajar cemerlang SPM kategori pelajar kurang upaya cacat penglihatan, Muhammad Fitri Hussin, 18, dari SMK Sungai Rawang Sepang bercita-cita menjadi saintis dalam bidang Kimia.

"Saya bersyukur memperoleh keputusan SPM ini yang tak pernah langsung saya jangkakan dan berharap ia menjadi kebanggaan keluarga dan guru-guru," katanya.